

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY**
[PENGGALAN CHEPA]

TARIKH : **4 JULAI 2019 (KHAMIS)**

SOALAN NO. 04

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan:-

- (a) bilakah perkhidmatan tren "Diesel Multiple Units" (DMU) yang dibeli dari China dengan kos RM380 juta untuk perkhidmatan kereta api Pantai Timur (Gemas-Tumpat) dimulakan perkhidmatannya; dan
- (b) bilakah perkhidmatan kereta api ekspres dari Kuala Lumpur ke Tumpat dijangka disambung semula.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini KTMB menyediakan 12 perkhidmatan tren Antarabandar yang melalui sektor Pantai Timur antara Gemas dan Tumpat menggunakan stokereta konvensional iaitu lokomotif, koc dan *power generating car*.

Bagi meningkatkan mutu perkhidmatan KTMB di sektor Pantai Timur, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM380 juta bagi pembelian 13 set Diesel Multiple Unit (DMU). KTMB merancang untuk memperkenalkan perkhidmatan DMU di sektor Pantai Timur mulai suku ketiga tahun 2019.

Perancangan perkhidmatan ini mengambilkira penerimaan 13 set DMU baharu secara berperingkat mulai bulan Julai 2019 sehingga bulan Disember 2019 serta tempoh masa bagi melaksanakan proses pengujian dan pentauliahan sebelum 13 set DMU baharu ini boleh dibenarkan untuk beroperasi.

- b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, buat masa ini Kerajaan sedang memberi keutamaan kepada kerja-kerja menaiktaraf serta membaikpulih kerosakan yang dialami oleh rangkaian keretapi bagi jajaran Gemas – Tumpat termasuk kerosakan akibat bencana banjir pada penghujung tahun 2014.

Banjir yang melanda sektor Pantai Timur pada 22 Disember 2014 telah mengakibatkan kerosakan teruk pada infrastruktur landasan, peralatan persemboyanan dan jentera penyelenggara landasan yang telah ditenggelami air. Antara kerosakan infrastruktur landasan yang dialami adalah tanah runtuh, landasan terhakis dan ditenggelami air serta jambatan keretapi yang telah dihanyutkan air. Selain itu, berlaku kerosakan teruk terhadap bangunan pejabat, stesen dan kuarters terutamanya di kawasan Manik Urai, Dabong, Kemubu, Kuala Krai dan Chegar Perah.

NO. SOALAN : 4

Dalam hal ini, Kerajaan telah memperuntukan dana berjumlah RM874.7 juta bagi membaikpulih infrastruktur landasan dan stokereta di sektor Pantai Timur. Peruntukan ini terdiri daripada dana berjumlah RM778.0 juta bagi projek membaikpulih infrastruktur landasan bagi sektor Gemas ke Tumpat dan RM96.7 juta bagi program pemulihan stesen dan lain-lain infrastruktur keretapi yang terjejas akibat musibah banjir besar yang telah melanda negeri di Pantai Timur. Keseluruhan kerja membaikpulih infrastruktur landasan di sektor Pantai Timur ini dijangka akan siap pada penghujung tahun 2019.

Walau bagaimanapun, rakyat masih boleh memilih untuk menggunakan keretapi sebagai pengangkutan daripada Kuala Lumpur ke Tumpat dengan menaiki ETS dari Kuala Lumpur ke Gemas seterusnya menaiki perkhidmatan tren Antarabandar dari Gemas ke Tumpat.

Kerajaan bersedia untuk menimbang pembukaan semula perkhidmatan keretapi ekspres daripada Kuala Lumpur ke Tumpat setelah projek baikpulih dan naiktaraf ini selesai sekiranya terdapat keperluan dan permintaan tinggi serta ketersediaan set-set tren yang boleh beroperasi di sektor tersebut.

Sekian, terima kasih.